

11/07/2003

Sepakat buat tafsiran: PM (HL)

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ulama sebagai golongan paling berpengaruh perlu membimbing umat Islam ke arah yang betul supaya tidak terus berpecah belah akibat tafsiran berbeza mengenai Islam.

Mereka sepatutnya boleh membuat keputusan secara konsensus terhadap tafsiran sebenar Islam bagi menyatukan semula ummah dan mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

"Kita boleh memulihkan tamadun Islam jika kita mengorientasikan umat Islam supaya mereka menguasai semua pengetahuan dan kemahiran yang menjadikan panduan hidup Islam 'Addin' dikagumi dan dihormati orang lain.

"Keputusannya terletak pada kita. Jika kita merasakan kita patut memulihkan kemegahan Islam dan tamadun Islam, kita perlu membebaskan diri

kita daripada penindasan, mampu mempertahankan diri dan perlu berusaha melakukan apa yang perlu bagi perkara yang dianggap duniawi.

"Jika kita merasakan kita tidak wajar melakukan sebarang perkara duniawi, maka kita perlu menerima keaiban Islam, umat Islam dan negara mereka," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Multaqa Ulama Sedunia di Hotel Marriott Putrajaya, semalam. Ucapan Dr Mahathir disiarkan secara langsung menerusi RTM.

Kira-kira 900 cendekiawan Islam dari 34 negara menyertai multaqah tiga hari itu, yang dicadangkan sendiri Dr Mahathir bagi membincangkan isu penting yang membabitkan masa depan umat Islam, terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Sebanyak 22 kertas kerja meliputi bidang politik, sosial, ekonomi dan pembangunan akan dibentangkan pada multaqah yang pertama kali diadakan itu dan bertemakan "Islam Di Era Globalisasi". Ulama terkemuka, Imam Besar Al-Azhar Dr Mohammad Sayyid Tantawi menyampaikan ucapan tama pada persidangan itu.

Dalam ucapan kira-kira 45 minit yang tegas dan kritis itu, Perdana Menteri menyarankan umat Islam merancang dan melaksanakan pelan pembangunan jangka panjang dan mengungguli semua bidang dalam usaha mengembalikan Islam ke era kegemilangan.

"Pemulihan kita akan mengambil masa lama. Kita perlu bersabar. Innallaha maassobirin. Tapi Insya Allah pada akhirnya kita akan berjaya seperti yang dijanjikan Allah swt. Dia tidak akan mengubah nasib kita selagi kita tidak berusaha mengubah nasib kita sendiri.

"Kita mesti membuktikan kepada dunia bahawa Islam bukan penghalang kepada kemajuan, bahawa Islam adalah agama sepanjang masa, bahawa Islam agama keamanan dan kestabilan, bahawa Islam boleh wujud bersama-sama dalam

dunia di mana umat Islam hanya berjumlah satu perenam daripada umat manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata, selagi umat Islam dapat mematuhi ajaran Islam dan mengimbangkan pengetahuan agama dengan pengetahuan duniawi, ia mampu bangkit dan mempertahankan diri dan agama Islam.

Beliau turut mengimbau kegemilangan Islam pada masa lalu termasuk di Sepanyol, Afrika Utara, dan empayar Turki, serta bagaimana umat Islam kini

dihina dan ditakluki untuk dijadikan iktibar.

Dr Mahathir menegaskan Islam tidak bersalah dan Allah tidak mentakdirkan

Islam dihina atau dipandang rendah atau umatnya ditindas dan diaibkan.

"Nasib malang umat Islam hari ini adalah hasil perbuatan mereka sendiri,

kegagalan untuk mengamalkan ajaran sebenar Islam dan mengembalikan kegemilangan tamadun Islam.

"Bukan agama Islam yang menyebabkan kemerosotan umat Islam. Sebaliknya pelbagai pernyataan salah dan salah tafsir mengenai Islam yang membawa nasib malang umat Islam," katanya.

Perdana Menteri juga mengaitkan kegelapan yang melanda umat Islam dengan

mereka yang menyamar sebagai ulama dan menganggap diri mereka sebagai pewaris Nabi Muhammad SAW serta layak membuat sebarang tafsiran atau fatwa

mengenai Islam.

"Ramai yang mendakwa ulama, sebenarnya adalah penyamar dengan kepentingan dan agenda sendiri. Penyamar ini sudah terlalu mengelirukan umat Islam sehinggakan apa yang diajar tidak lagi dianggap Islamik.

"Rasulullah hanya mengajar satu Islam. Kini ramai yang mengisytiharkan merekalah umat Islam sebenar dan mengamalkan jenama Islam mereka sendiri.

Agama yang diturunkan Allah SWT seperti yang diajar Rasulullah SAW telah menjadikan Islam dengan beratus-ratus agama," katanya.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai bahaya politik Islam yang menggunakan agama untuk kepentingan politik hingga menyebabkan salah tafsiran mengenai Islam bagi mewajar dan menyokong agenda politik mereka.

"Perbezaan dalam Islam sesuatu yang sihat dan dibenarkan tetapi tidaklah

sampai menuduh yang lain sebagai tidak beragama, kafir dan melancarkan perang sesama sendiri dan bersekongkol dengan bukan Islam untuk menentang

saudara Islam," katanya.